



■ DATUK HAJI KAMALUL ARIFFIN... tidak salah tiru teknik seni lain

mencapai kejayaan cemerlang kita perlu belajar teknik dan taktik lebih baik. Tidak salah kita meniru teknik taekwondo atau karate-do di segi kekuatan tendangan atau tinju Siam bagi mematahkan serangan lawan.

Soalnya kita bukan bertanding seni silat tetapi olahraga. Saya ingat kata-kata pengurus silat Indonesia, Rustady Affendi: "Dalam silat olahraga, sebarang jenis teknik bela diri boleh diamalkan, asal tidak mengetepikan seni silat. Kami turut amalkan teknik taekwondo, karate-do dan pelbagai macam seni bela diri, asal ia memberi kebaikan."

Dalam konteks ini, Ketua Pengarah MSN, Datuk Haji Kamalul Ariffin Abdul Rahim, lebih ke depan berfikir. Sudah lama beliau meminta Pesaka mengkaji teknik seni mempertahankan diri lain jika silat mahu maju. Tetapi, ia tidak bermakna maruah silat tergadai.

Sudah sampai waktunya Pesaka buka mata, telinga dan fikiran jika mahu silat olahraga berjaya cemerlang. Apa lagi kita akan menghadapi Kejuaraan Silat Sedunia di Belanda pada Ogos depan dan tuan rumah Kejuaraan Terbuka Malaysia (Disember). Tiada guna kita ikut serta, jika pulang tangan kosong.

Tiada orang Eropah akan berguru dengan kita jika kita lemah. Mereka akan lebih memandang Indonesia kerana Indonesia terbukti kuat dan mantap.

**RAHIME**

## Ramai pegawai

## Pesaka

& Harian (M)  
ke Paris  
30 MAR 1990

Oleh RAHIME YUSOFF

LANGKAH Persekutuan Silat Kebangsaan Malaysia (Pesaka) membelakangkan juara silat seni kebangsaan menyertai Festival Silat Perancis yang sedang berlangsung di Paris disifatkan tidak adil.

Walaupun rombongan ke Paris itu ditaja oleh Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan, ia tetap didakwa tidak wajar kerana terlalu ramai pegawai Pesaka ikut serta.

Menurut sumber Pesaka, sepatutnya juara silat seni kebangsaan lalu diberi peluang ke Paris sebagai menghargai jasa mereka setelah tidak disenarai ke Pesta Sukan Merdeka Brunei, baru-baru ini.

Katanya, keputusan Pesaka memberi peluang kepada pertubuhan utama menyenarai pesilat sama sekali tidak adil.

"Ini peluang baik kepada juara silat seni mempamerkan ketangkasan mereka di Paris sekalipun ia bukan bentuk pertandingan," kata sumber itu.

Beliau berkata, rombongan ke Paris itu bukan satu rancangan makan angin untuk pegawai-pegawai Pesaka tetapi kesempatan terbaik bagi menjual silat negara.

Jika tahun lalu di Festival yang sama katanya, Pertubuhan Gayung Fatani dan Gayong Malaysia sudah diberi peluang, kenapa Pesaka tidak memberi peluang kepada juara silat seni, pertubuhan lain beraksi kali ini.